Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001825
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1825

Jaringan Rangkaian Organisasi dalam Memperkukuh Pembangunan Industri Halal Malaysia

(Network of Organizations in Strengthening the Development of Malaysia's Halal Industry)

Muhammad Hafeez Zakaria[1*], Mohd Haniff Mohammad Yusoff[2], Mohammad Nidzam Abdul Kadir[3]

[1]Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: hefeez.zakaria@upm.edu.my
[2]Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: mohdhaniff@uum.edu.my
[3]Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: mnidzam@upm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Muhammad Hafeez Zakaria (hefeez.zakaria@upm.edu.my)

KATA KUNCI:
Jaringan rangkaian organisasi
Industri halal
Bahagian Hab Halal JAKIM

KEYWORDS:
Organization Network
Halal Industry
JAKIM Halal Hub Division

CITATION:
Muhammad Hafeez Zakaria, Mohd Haniff Mohammad Yusoff, & Mohammad Nidzam Abdul Kadir. (2022). Jaringan Rangkaian Organisasi dalam Memperkukuh Pembangunan Industri Halal Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001825. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1825

ABSTRAK

Rancangan Malaysia ke-12 melaporkan nilai eksport produk halal keluaran Malaysia dijangka menyumbang sebanyak RM 56 bilion pada tahun 2025. Perkembangan positif ini menunjukkan produk halal keluaran Malaysia semakin mendapat perhatian dan permintaan yang semakin tinggi di peringkat global. Kepesatan pembangunan industri halal ini memperlihatkan peranan jalinan rangkaian antara organisasi dalam memastikan industri halal Malaysia dapat kekal berdaya saing dan bersedia memenuhi keperluan pasaran tempatan dan global. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan meninjau peranan jaringan rangkaian organisasi dalam memperkukuhkan pembangunan industri halal Malaysia. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian literasi dan temu bual bersama Bahagian Hab Halal JAKIM dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dijalankan bagi menjawab objektif kajian. Hasil kajian mendapati Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC memainkan peranan penting dalam membangunkan industri halal melalui aspek jaringan rangkaian organisasi. Bahagian Hab Halal JAKIM menjalinkan beberapa rangkaian organisasi kerajaan seperti dengan KPDNK, JAIN, dan KKM dalam menguatkuasakan peraturan persijilan halal persijilan halal Malaysia dari masa ke masa. Manakala HDC pula memainkan peranan sebagai agen perantaraan antara pihak kerajaan seperti MATRADE dan MITI dengan pihak swasta seperti syarikat-syarikat industri bagi meningkatkan daya saing firma dalam ekonomi global melalui kerjasama dengan syarikat multinasional. Jaringan rangkaian organisasi dijalankan oleh Bahagian Hab Halal

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

JAKIM dan HDC mempunyai kekuatan mekanisme yang tersendiri serta mendatangkan impak positif dalam usaha membangunkan industri halal di Malaysia.

ABSTRACT

The 12th Malaysia Plan reports that the export value of halal products produced in Malaysia is expected to contribute RM56 billion in 2025. This positive development shows that halal products produced in Malaysia are getting more attention and demand at the global level. The rapid development of the halal industry shows the role of networking between organizations in ensuring that the Malaysian halal industry can remain competitive and ready to meet the needs of the local and global market. Therefore, this study was conducted by reviewing the role of organizational networks in strengthening the development of Malaysia's halal industry. This study was conducted using qualitative methods. A literacy study and interviews with JAKIM's Halal Hub Division and HDC were conducted to answer the objectives of study. The results of this study found that JAKIM's Halal Hub Division and HDC play an important role in developing the halal industry through the organizational networking aspect. JAKIM's Halal Hub Division has established a network of government organizations such as KPDNK, JAIN, and KKM in enforcing the halal certification regulations of Malaysia's halal certification over time. While HDC plays the role of an intermediary agent between the government such as MATRADE and MITI and the private sector such as industrial companies to increase the competitiveness of firms in the global economy through collaboration with multinational companies. The network of organizations run by JAKIM's Halal Hub Division and HDC has its own mechanism strength in developing Malaysia's halal industry.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini secara tidak langsung menyumbang kepada sorotan literatur sedia ada dalam bidang pengurusan halal. Sumbangan utama kajian ini menjurus kepada peranan HDC dan JAKIM dalam melaksanakan jaringan rangkaian organisasi untuk memperkukuh pembangunan industri halal di Malaysia.

1. Pengenalan

Usaha Malaysia untuk memastikan produk halal jenama tempatan mampu untuk menembusi pasaran global telah membuahkan hasil apabila laporan Rancangan Malaysia ke-12 menyatakan nilai eksport produk halal keluaran Malaysia dijangka menyumbang sebanyak RM 56 bilion pada tahun 2025 (Unit Perancangan Ekonomi, 2021). Perkembangan positif ini telah membuka mata pelbagai pihak tempatan dan luar negara akan kapasiti Malaysia memasarkan produk halal yang berkualiti dan patuh syariah bagi memenuhi keperluan pengguna Muslim di seluruh dunia. Hal ini membuktikan industri halal Malaysia mendapat sokongan dan kepercayaan daripada pasaran luar negara dan sekali gus dapat menggalakkan pelaburan luar masuk ke dalam pelbagai pasaran menerusi sektor-sektor industri Malaysia seperti makanan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelancongan, farmaseutikel, dan kosmetik. Justeru itu, peluang ini harus digunakan sebaik mungkin dengan mengeksploitasi kelebihan yang ada bagi memastikan produk halal Malasysia mempunyai kelebihan untuk berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Bagi memastikan industri halal Malaysia mampu untuk berdaya saing di pasaran global, Pelan Induk Industri Halal 2030 dan Platform Bersepadu Halal dilihat penting sebagai panduan utama kepada pemain-pemain industri halal untuk meningkatkan jaringan rangkaian organisasi. Jalinan rangkaian antara organisasi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, usahawan industri halal, organisasi halal di dalam dan luar negara penting dalam memastikan industri halal Malaysia dapat kekal berdaya saing dan bersedia memenuhi keperluan pasaran tempatan dan global. Sarjana-sarjana lepas membincangkan peranan jaringan organisasi bagi menarik lebih banyak pelaburan (Thies, Wessel, & Benlian, 2018; Min, Kim, & Sawng, 2020; Abdurakhmanova & Rustamov, 2020; McIntyre, Srinivasan, & Chintakananda, 2021), melahirkan lebih banyak sumber manusia yang mahir (Cullen, Gerbasi, & Chrobot-Mason,2018; Bilan, Mishchuk, Roshchyk, & Joshi, 2020; Kost, Fieseler, & Wong, 2020) meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi (Castells, 2020; Cao, & Yu, 2019; Thabit, Aissa, & Jasim, 2021), dan memperkukuhkan daya saing (Yoon, Sung, & Ryu, 2020; Franco & Esteves, 2020; Adamik, & Sikora-Fernandez, 2021). Justeru itu, jaringan organisasi perlu digariskan sebagai satu keutamaan dalam pembangunan industri halal Malaysia. Maka, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana peranan jaringan rangkaian organisasi dalam memperkukuhkan pembangunan industri halal Malaysia.

2. Sorotan Literatur

Jaringan rangkaian organisasi ditakrifkan sebagai proses organisasi mengembangkan hubungan dengan organisasi-organisasi lain berdasarkan kepentingan bersama, persahabatan, disiplin, dan sebab-sebab yang bermanfaat (Horak, Taube, Yang, & Restel, 2019; Guo, Liu, & Yain, 2020; Ji, Tao, & Rim, 2020). Pertukaran maklumat dan pengetahuan akan menyediakan peluang rangkaian yang akan berkembang dari masa ke masa (Nisar, Prabhakar, & Strakova, 2019; Fielke, Taylor, & Jakku, 2020; Valeri, & Baggio, 2022). Jaringan rangkaian organisasi dilihat penting bagi menyediakan produk-produk baru, teknologi terkini, dan perkhidmatan untuk membangunkan sesebuah industri (Malecki, 2018; Birkel, Veile, Müller, Hartmann, & Voigt, 2019; Machado, Winroth, & Ribeiro da Silva, 2020). Jaringan rangkaian adalah berdasarkan kepada tingkah laku organisasi untuk membangunkan dan mewujudkan hubungan rangkaian dengan organisasi-organisasi lain yang mempunyai potensi untuk memberi manfaat (Belso-Martínez, Mas-Verdu, & Chinchilla-Mira, 2020; Davey, O'Brien, Ouschan, & Parkinson, 2022). Kesan hubungan dan tingkah laku rangkaian boleh menyediakan peluang yang bermanfaat kepada organisasi yang berkaitan dalam struktur rangkaian.

Seiring dengan perkembangan teknologi, Jaringan rangkaian organisasi perlu dijalankan bagi percambahan buah fikiran dan mendapatkan idea yang baru serta menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku melalui alam maya (Kraus, Palmer, Kailer, Kallinger, & Spitzer, 2018; Verganti, Vendraminelli, & Iansiti, 2020; Nielsen, Mathiassen, & Newell, 2022). Program menjana idea membolehkan individu untuk mengemukakan idea-idea yang memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi organisasi (Bougie & Sekaran, 2019; Nosratabadi, et al., 2019). Program ini boleh memberi cetusan idea baru melalui penyertaan yang berbeza daripada pelbagai organisasi. Laman media sosial boleh dijadikan sebagai medium untuk sesebuah organisasi berhubung dengan organisasi lain dari dalam dan luar negara (Leidner, Gonzalez, & Koch, 2020). Jaringan rangkaian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

organisasi boleh dijalankan dengan menjadikan media sosial sebagai alat untuk mendapatkan informasi dan peluang yang ada bagi meningkatkan prestasi organisasi (Ahmad, Bakar, & Ahmad, 2018; Nisar, Prabhakar, & Strakova, 2019; Nisar, Prabhakar, & Strakova, 2019).

Jaringan rangkaian organisasi juga boleh dijalankan melalui persidangan khusus, seminar dan bengkel. Persidangan khusus, seminar, dan bengkel rangkaian sosial daripada pelbagai organisasi boleh menjadi asas kepada pembinaan rangkaian sosial untuk organisasi baru (Marin, & Wellman, 2011; Tsimonis, & Dimitriadis, 2014; Scott, 2015). Persidangan khusus, seminar, dan bengkel perlu dijalankan antara pelbagai organisasi bagi membolehkan kumpulan penyelidikan dan pembangunan berinteraksi dengan pelbagai organisasi untuk mengetahui peluang-peluang yang boleh dijalankan Katz et al., 2018; Wessel, Baiyere, Ologeanu-Taddei, Cha, & Blegind-Jensen, 2021; Velter, Bitzer, & Bocken, 2022). Kajian lepas juga mendapati, di dalam sesebuah organisasi memerlukan satu jabatan yang ditugaskan untuk mempromosikan sesebuah organisasi kepada organisasi lain (He, Zhang, & Morrison, 2019; Chakraborty, & Biswas, 2019; Lai, Tang, Lu, Lee, & Lin, 2020). Aktiviti yang boleh dijalankan melalui penerbitan berita bulanan, makluman program yang dianjurkan syarikat, dan maklumat yang terkini berkaitan dengan syarikat bagi memastikan organisasi lain mengetahui perkembangan setiap organisasi. Perkara ini juga penting bagi mewujudkan interaksi di peringkat tempatan, kebangsaan, serantau, dan global.

Kajian-kajian lepas turut menekankan akan keperluan dan kepentingan jaringan rangkaian organisasi dalam pembangunan industri halal. Jaringan rangkaian organisasi adalah penting bagi mewujudkan hubungan yang positif antara sesebuah organisasi dengan organisasi yang lain dalam membangunkan industri halal Malaysia (Yusuf, Shukor, & Bustamam, 2016; Abd Rahman, Singhry, Hanafiah, & Abdul, 2017; Mansor, & Daud, 2020). Hubungan antara satu rangkaian organisasi dan rangkaian organisasi lain adalah penting dalam memahami bidang operasi, struktur, dan matlamat sesebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam bidang industri halal (Azmi, Abdullah, Musa, & Mahmood, 2019; Perdana, 2020; Hareebin, 2021). Hal ini juga bertujuan memberi kepercayaan kepada setiap rangkaian organisasi untuk saling memerlukan dan terus bekerjasama bagi memaksimumkan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal. Jaringan rangkaian organisasi dalam pembangunan industri halal boleh dilakukan melalui perkongsian pengetahuan, perkongsian risiko, dan kemahiran (Tan, Ramayah, & Popa, 2017; Mohamed, Rahim, & Ma'aram, 2020; Usmanova, Wang, Sumarliah, Mousa, & Maiga, 2021).

Di Malaysia, Bahagian Hab Halal JAKIM dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) merupakan antara organisasi yang memainkan peranan penting dalam membantu pembangunan industri halal Malaysia. Kajian lepas banyak menyentuh akan kepentingan dan keperluan Bahagian Hab Halal JAKIM (Yaacob, Rahman, & Jaafar, 2018; Asa, 2018; Kassim, Kamal, & Diah, 2020; Harun, & Abdullah, 2022) dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) (Gunardi, & Hashim, 2019; Aziz, Bakar, Zaaba, & Hassan, 2019; Ibrahim, Jamaludin, Zubairi, Muflih, & Hashim, 2022; Rani, Said, & Izham, 2022) dalam menyumbang kepada pembangunan industri halal. Maka, kajian ini dijalankan bagi meninjau keperluan jaringan rangkaian organisasi yang dilaksanakan oleh Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC dalam memperkukuhkan pembangunan industri halal Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan temu bual responden. Kajian kepustakaan diperoleh melalui jurnal, laporan, dan buku yang sesuai untuk kajian ini. Manakala temu bual telah dilakukan dengan Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC. Mereka yang dipilih berasaskan penglibatan secara peribadi atau pengetahuan yang dimiliki dalam kajian ini bagi memastikan kajian ini mengandungi tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Temu bual telah dilakukan secara bersemuka di antara penyelidik sendiri dengan subjek. Semasa sesi temu bual dijalankan, perbualan telah dirakam, di samping itu, penyelidik membuat catatan tentang maklumat yang berguna. Hasil rakaman telah dipindahkan dalam bentuk transkrip untuk dianalisis selanjutnya.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini menganalisis peranan Jaringan Rangkaian Organisasi oleh Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC dalam memperkukuhkan pembangunan industri halal di Malaysia.

4.1. Jaringan Rangkaian Organisasi oleh Bahagian Hab Halal JAKIM

Bahagian Hab Halal JAKIM memberi fokus utama dalam menjalankan rangkaian organisasi dengan beberapa agensi-agensi kerajaan. Bahagian Hab Halal JAKIM menjalinkan kerjasama bersama dengan rangkaian organisasi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNK), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kimia, dan beberapa agensi lain yang penting dalam pembangunan industri halal di Malaysia. Jaringan rangkaian antara Bahagian Hab Halal JAKIM dengan organisasi-organisasi ini penting bagi melaksanakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam prosedur Persijilan Halal Malaysia.

Jaringan rangkaian organisasi di antara Bahagian Hab Halal JAKIM dan KPDNKK terjalin apabila Akta Perihal Dagangan 2011 dikuatkuasakan. Akta ini mula dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2012 menggantikan Akta Perintah Perihal Dagangan 1975 berkuat kuasa pada 1 Januari 2012. Tujuan diperkenalkan akta halal adalah untuk memelihara kepentingan umat Islam yang selama ini sering terkeliru dengan isu halal khususnya berkaitan dengan logo halal dan penyediaan makanan halal. Akta ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa wujudnya jaringan rangkaian antara organisasi. Oleh itu, bagi memastikan akta ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, Bahagian Hab Halal JAKIM memaklumkan bahawa *"…KPDNKK telah menurunkan kuasa sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam yang ditempatkan di Bahagian Hab Halal JAKIM bagi melancarkan operasi penguatkuasaan berdasarkan Akta perihal Dagangan 2011.*" Apabila wujudnya jalinan rangkaian organisasi ini, maka undang-undang yang termaktub dalam Akta Perihal Dagangan 2011 dapat diaplikasikan dengan lebih cekap.

Jaringan rangkaian organisasi juga dapat dikenal pasti melalui kerjasama yang dijalankan antara pegawai dari Bahagian Hab Halal JAKIM dengan pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerjasama ini bertujuan untuk melaksanakan pemantauan ke atas operasi-operasi pemprosesan yang dijalankan oleh pengusaha produk halal. Menurut Bahagian Hab Halal JAKIM, *"…pegawai KKM telah ditempatkan secara berkala di Bahagian Hab Halal dan berperanan sebagai pegawai pemeriksa yang*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menjalankan pemeriksaan bersama-sama pegawai JAKIM bagi memastikan aspek keselamatan dan kebersihan makanan dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha produk halal." Kerjasama antara Bahagian Hab Halal JAKIM dengan pegawai dari KKM ini penting bagi memastikan kesahihan hasil laporan yang diperoleh berdasarkan pemantaun yang dilakukan ke atas pengusaha produk halal yang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan pensijilan halal atau telah berjaya mendapat pensijilan halal.

Jaringan rangkaian organisasi antara agensi-agensi adalah sangat penting bagi memastikan Bahagian Hab Halal JAKIM dapat sentiasa melakukan peranan yang seiring dengan peredaran semasa. Perkara ini dijelaskan oleh Bahagian Hab JAKIM menyatakan bahawa "jaringan rangkaian organisasi yang wujud di antara agensi-agensi ini telah menjadikan JAKIM sebagai agensi halal yang berwibawa di Malaysia." Usaha yang dilakukan oleh Bahagian Hab Halal JAKIM melalui pertambahan kerjasama melalui jaringan rangkaian organisasi dari masa ke masa ini dilihat sebagai satu komponen penting dan satu keperluan dalam membangunkan industri halal Malaysia.

4.2. Jaringan Rangkaian Organisasi oleh HDC

HDC merupakan institusi yang memainkan peranan sebagai agen perantaraan pemain industri halal bagi meningkatkan daya saing industri halal dalam ekonomi global. Perkara ini dilakukan oleh HDC dengan menghubungkan jaringan rangkaian organisasi melalui pengusaha-pengusaha syarikat industri halal dan badan-badan kerajaan. Kelebihan jaringan rangkaian organisasi yang dilakukan oleh pihak HDC ini adalah dapat membantu pemasaran produk halal. HDC memaklumkan "HDC menjadi orang tengah dalam membantu syarikat yang mempunyai produk halal untuk dipasarkan. Contohnya membantu syarikat multinasional dalam membuat usaha sama dan kolaborasi dengan badan kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memasarkan produk ke luar negara. HDC juga dapat membantu syarikat-syarikat multinasional yang mengeluarkan produk halal melalui kolaborasi *Multinational Corporation* (MNC)." Melalui kaedah ini, syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal dapat meningkatkan pemasaran. Ia juga membantu dalam melakukan kerjasama antara pengusaha-pengusaha produk halal seperti mendapatkan maklumat organisasi yang boleh menjadi pembekal bahan mentah yang diperlukan untuk pemprosesan produk.

Selain itu, jaringan rangkaian organisasi yang dihubungkan oleh HDC ini dapat mewujudkan kerjasama antara pelbagai organisasi bagi memajukan industri halal Malaysia. Kerjasama ini juga penting bagai memastikan pengusaha-pengusaha industri halal mendapat petunjuk strategi untuk meningkatkan jaringan rangkaian organsasi yang menguntungkan bagi pengeluaran produk halal mereka. Melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh HDC ini, maka pengusaha-pengusaha industri halal dapat lebih berdikari menjalinkan rangkaian organisasi dengan pelbagai pihak. Portal laman web yang disediakan oleh HDC juga dapat membantu pengusaha-pengusaha industri halal untuk mendapatkan maklumat tentang rangkaian organisasi yang boleh dijalinkan untuk pemasaran produk halal. HDC menjelaskan "HDC mempunyai laman web yang boleh membantu pengusaha-pengusaha industri Halal untuk memasarkan produk dari dalam dan luar negara. Melalui laman web ini juga, pihak-pihak terbabit dapat mengetahui organisasi yang diiktiraf untuk menjalinkan hubungan kerjasama." Jelasnya, organisasi–organisasi yang diiktiraf sebagai ahli HDC untuk melakukan jaringan rangkaian organisasi adalah organisasi yang telah berjaya memperoleh Pensijilan Halal daripada Bahagian Halal Jakim.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC telah menggiatkan usaha dengan menyediakan platform pembangunan industri halal melalui aspek jaringan rangkaian organisasi, dalam membangunkan industri halal di Malaysia. Usaha yang dijalankan melalui jaringan rangkaian organisasi melalui kerjasama yang dilakukan dengan pelbagai rangkaian organisasi dilihat berlaku terhadap kedua-dua organisasi ini. Bahagian Hab Halal JAKIM menjalinkan beberapa rangkaian organisasi kerajaan seperti dengan KPDNK, JAIN, dan KKM dalam menguatkuasakan peraturan persijilan halal persijilan halal Malaysia dari masa ke masa. HDC pula memainkan peranan sebagai agen perantaraan antara pihak kerajaan seperti MATRADE dan MITI dengan swasta seperti syarikat-syarikat industri bagi meningkatkan daya saing firma dalam ekonomi global melalui kolaborasi dengan syarikat Multinasional. Aspek jaringan rangkaian organisasi yang telah diusahakan dalam membangunkan industri halal Malaysia dilihat dapat menyediakan peluang yang bermanfaat kepada organisasi yang berkaitan dengan struktur rangkaian.

Limitasi kajian ini hanya dibatasi kepada Bahagian Hab Halal JAKIM dan HDC. Kajian lanjut dicadangkan untuk dilaksanakan bagi meninjau usah-usaha yang dilakukan oleh KMM, KPDNK, JPV, MATRADE, MITI, PBT, IPTA, dan Jabatan Kastam dalam usaha membangunkan industri halal. Situasi hari ini menunjukkan pentingnya kerjasama antara organisasi-organisasi ini melalui jaringan rangkaian organisasi dalam membangunkan industri halal Malaysia. Justeru, satu kajian perlu dilakukan memandangkan pengaruh organisasi-organisasi ini mempunyai impak yang besar kepada pembangunan industri halal Malaysia. Peranan yang dilakukan oleh organisasi-organisasi ini adalah penting dalam membangunkan industri halal dari masa ke masa.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan temu bual telah dijalankan mengikut piawaian etika institusi yang berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Sekalung penghargaan terima kasih kepada pihak HDC dan JAKIM yang memberikan kerjasama dalam sesi temu bual yang dijalankan serta tidak lokek dalam menyalurkan maklumat yang bermakna untuk penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan sebarang bentuk sumber kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Menerusi penyelidikan ini, tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, kepengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abd Rahman, A., Singhry, H. B., Hanafiah, M. H., & Abdul, M. (2017). Influence of perceived benefits and traceability system on the readiness for Halal Assurance System implementation among food manufacturers. Food Control, 73, 1318-1326.

Abdurakhmanova, G., & Rustamov, D. (2020). Theoretical principles of attracting foreign investment to the country's economy. Архив научных исследований, (24).

Adamik, A., & Sikora-Fernandez, D. (2021). Smart organizations as a source of competitiveness and sustainable development in the age of industry 4.0: Integration of micro and macro perspective. *Energies, 14*(6), 1572.

Ahmad, S. Z., Bakar, A. R. A., & Ahmad, N. (2018). Social media adoption and its impact on firm performance: the case of the UAE. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research, 25*(1), 84-111.

Asa, R. S. (2018). Effectiveness of the existing Halal laws in Malaysia. *Jurnal Syariah, 26*(1), 141-166.

Aziz, M. A. A. A., Bakar, M. F. A., Zaaba, M. K., & Hassan, F. (2019). The influence of theory of planned behavior, religion and halal certification on consumers' purchase intention of halal food at restaurant in subang jaya. *In Contemporary Management and Science Issues in the Halal Industry* (pp. 53-63). Springer, Singapore.

Azmi, F. R., Abdullah, A., Musa, H., & Mahmood, W. H. W. (2019). Perception of food manufacturers towards adoption of halal food supply chain in Malaysia: Exploratory factor analysis. *Journal of Islamic Marketing*, *11*(3), 571-589.

Belso-Martínez, J. A., Mas-Verdu, F., & Chinchilla-Mira, L. (2020). How do interorganizational networks and firm group structures matter for innovation in clusters: Different networks, different results. *Journal of Small Business Management, 58*(1), 73-105.

Bilan, Y., Mishchuk, H., Roshchyk, I., & Joshi, O. (2020). Hiring and retaining skilled employees in SMEs: problems in human resource practices and links with organizational success. Verslas: Teorija ir praktika/Business: Theory and Practice, 21(2), 780-791.

Birkel, H. S., Veile, J. W., Müller, J. M., Hartmann, E., & Voigt, K. I. (2019). Development of a risk framework for Industry 4.0 in the context of sustainability for established manufacturers. Sustainability, 11(2), 384.

Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). Research methods for business: A skill building approach. John Wiley & Sons.

Cao, X., & Yu, L. (2019). Exploring the influence of excessive social media use at work: A three-dimension usage perspective. *International Journal of Information Management, 46*, 83-92.

Castells, M. (2020). The information city, the new economy, and the network society. In *The information society reader* (pp. 150-164). Routledge.

Chakraborty, D., & Biswas, W. (2019). Evaluating the impact of human resource planning programs in addressing the strategic goal of the firm: An organizational perspective. *Journal of advances in management research, 16*(5), 659-682.

Cullen, K. L., Gerbasi, A., & Chrobot-Mason, D. (2018). Thriving in central network positions: The role of political skill. *Journal of Management, 44*(2), 682-706.

Davey, J., O'Brien, I., Ouschan, R., & Parkinson, J. (2022). Rethinking customer engagement design: Using customer-mobilized engagement (CME) to grow business networks. Industrial Marketing Management, 105, 453-466.

Fielke, S., Taylor, B., & Jakku, E. (2020). Digitalisation of agricultural knowledge and advice networks: A state-of-the-art review. Agricultural Systems, 180, 102763.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Franco, M., & Esteves, L. (2020). Inter-clustering as a network of knowledge and learning: Multiple case studies. *Journal of Innovation & Knowledge, 5*(1), 39-49.

Gunardi, S., & Hashim, A. F. S. (2019). Pengajaran Dan Pembelajaran Halal Di Halal Industry Development Corporation (HDC). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development, 4*(19), 63-71.

Guo, L. X., Liu, C. F., & Yain, Y. S. (2020). Social entrepreneur's psychological capital, political skills, social networks and new venture performance. Frontiers in Psychology, 11, 925.

Hareebin, Y. (2021). The Social Capital Capabilities of Halal Entrepreneurs: A Perspective of Innovative Entrepreneur Capabilities. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business, 8*(6), 189-199.

Harun, N. H., & Abdullah, M. A. N. H. H. (2022). The Roles of Government and Higher Education Providers in Halal Education Development in Malaysia. In Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021) (pp. 247-256). Springer, Singapore.

He, J., Zhang, H., & Morrison, A. M. (2019). The impacts of corporate social responsibility on organization citizenship behavior and task performance in hospitality: A sequential mediation model. International Journal of Contemporary Hospitality Management, 31(6), 2582-2598.

Horak, S., Taube, M., Yang, I., & Restel, K. (2019). Two not of a kind: Social network theory and informal social networks in East Asia. *Asia Pacific Journal of Management, 36*(2), 349-372.

Ibrahim, M. I., Jamaludin, M. A., Zubairi, A. M., Muflih, B. K., & Hashim, Y. Z. H. Y. (2022). Development of Framework for Halal Studies Program Evaluation. Halalpshere, 2(1), 98-105.

Ji, Y. G., Tao, W., & Rim, H. (2020). Mapping corporate social responsibility research in communication: A network and bibliometric analysis. Public Relations Review, 46(5), 101963.

Kassim, K., Kamal, N. A. M., & Diah, N. M. (2020). JAKIM Halal Logo Verification using Image Processing. *International Journal, 9*(1.3).

Katz, D. S., McInnes, L. C., Bernholdt, D. E., Mayes, A. C., Hong, N. P. C., Duckles, J., ... & Wilkins-Diehr, N. (2018). Community organizations: Changing the culture in which research software is developed and sustained. Computing in Science & Engineering, 21(2), 8-24.

Kost, D., Fieseler, C., & Wong, S. I. (2020). Boundaryless careers in the gig economy: An oxymoron?. *Human Resource Management Journal, 30*(1), 100-113.

Kraus, S., Palmer, C., Kailer, N., Kallinger, F. L., & Spitzer, J. (2018). Digital entrepreneurship: A research agenda on new business models for the twenty-first century. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, *25*(2), 353-375.

Lai, F. Y., Tang, H. C., Lu, S. C., Lee, Y. C., & Lin, C. C. (2020). Transformational leadership and job performance: The mediating role of work engagement. Sage Open, 10(1), 2158244019899085.

Leidner, D. E., Gonzalez, E., & Koch, H. (2020). An affordance perspective of enterprise social media and organizational socialization. In Strategic Information Management (pp. 364-402). Routledge.

Machado, C. G., Winroth, M. P., & Ribeiro da Silva, E. H. D. (2020). Sustainable manufacturing in Industry 4.0: an emerging research agenda. *International Journal of Production Research, 58*(5), 1462-1484.

Malecki, E. J. (2018). Entrepreneurs, networks, and economic development: A review of recent research, Katz, J.A. and Corbett, A.C. (Ed.) Reflections and extensions on key

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

papers of the first twenty-five years of advances. (Advances in Entrepreneurship, Firm Emergence and Growth, Vol. 20), Emerald Publishing Limited, Bingley, pp. 71-116.

Mansor, T. R. T., & Daud, Z. (2020). The Effect of Social Network on Malaysian Malay-Owned SME Performance. *Albukhary Social Business Journal, 1*(1), 73-85.

Marin, A., & Wellman, B. (2011). Social network analysis: An introduction. The SAGE handbook of social network analysis, 11, 25.

McIntyre, D. P., Srinivasan, A., & Chintakananda, A. (2021). The persistence of platforms: The role of network, platform, and complementor attributes. Long Range Planning, 54(5), 101987.

Min, S., Kim, J., & Sawng, Y. W. (2020). The effect of innovation network size and public R&D investment on regional innovation efficiency. Technological Forecasting and Social Change, 155, 119998.

Mohamed, Y. H., Rahim, A. R. A., & Ma'aram, A. (2020). The effect of halal supply chain management on halal integrity assurance for the food industry in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, *12*(9), 1734-1750.

Nielsen, J. A., Mathiassen, L., & Newell, S. (2022). Multidirectional idea travelling across an organizational field. Organization Studies, 43(6), 931-952.

Nisar, T. M., Prabhakar, G., & Strakova, L. (2019). Social media information benefits, knowledge management and smart organizations. *Journal of Business Research, 94*, 264-272.

Nosratabadi, S., Mosavi, A., Shamshirband, S., Zavadskas, E. K., Rakotonirainy, A., & Chau, K. W. (2019). Sustainable business models: A review. Sustainability, 11(6), 1663.

Perdana, Y. R. (2020). Halal Product Review Based On Total Quality Management And A Supply Chain Management Perspective. *Journal of Industrial Engineering and Halal Industries, 1*(1), 78-86.

Rani, M. A. M., Said, S., & Izham, S. S. (2022). Asnaf Entrepreneur Strategy in the Development of the Halal Industry in Malaysia. In Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021) (pp. 119-126). Springer, Singapore.

Scott, D. M. (2015). The new rules of marketing and PR: How to use social media, online video, mobile applications, blogs, news releases, and viral marketing to reach buyers directly. John Wiley & Sons.

Tan, C. N. L., Ramayah, T., & Popa, S. (2017). KMS self-efficacy, KMS quality, expected reward and subjective norm: investigating knowledge sharing attitude of Malaysia's Halal industry. *European Journal of International Management, 11*(4), 407-429.

Thabit, T., Aissa, S. A. H., & Jasim, Y. (2021). The impact of green ICT adoption in organizations of developing countries. *Al-riyada for Business Economics Journal, 7.*

Thies, F., Wessel, M., & Benlian, A. (2018). Network effects on crowdfunding platforms: Exploring the implications of relaxing input control. *Information Systems Journal, 28*(6), 1239-1262.

Tsimonis, G., & Dimitriadis, S. (2014). Brand strategies in social media. Marketing Intelligence & Planning.

Unit Perancangan Ekonomi (2021), Rancangan Malaysia Ke12, Diperoleh daripada https://rmke12.epu.gov.my/storage/fileUpload/2021/10/2021101820_slaid_epu_slu_pasca_rmke_12_terengganu.pdf

Usmanova, K., Wang, D., Sumarliah, E., Mousa, K., & Maiga, S. S. (2021). China's halal food industry: the link between knowledge management capacity, supply chain practices, and company performance. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management, 16,* 285.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Valeri, M., & Baggio, R. (2022). Increasing the efficiency of knowledge transfer in an Italian tourism system: a network approach. *Current Issues in Tourism, 25*(13), 2127-2142.

Velter, M. G. E., Bitzer, V., & Bocken, N. M. P. (2022)A boundary tool for multi-stakeholder sustainable business model innovation. Circular Economy and Sustainability, 2(2), 401-431.

Verganti, R., Vendraminelli, L., & Iansiti, M. (2020). Innovation and design in the age of artificial intelligence. *Journal of Product Innovation Management, 37*(3), 212-227.

Wessel, L., Baiyere, A., Ologeanu-Taddei, R., Cha, J., & Blegind-Jensen, T. (2021). Unpacking the difference between digital transformation and IT-enabled organizational transformation. *Journal of the Association for Information Systems, 22*(1), 102-129.

Yaacob, T. Z., Rahman, F. A., & Jaafar, H. S. (2018). Risk categories in halal food transportation: A preliminary findings. *International Journal of Supply Chain Management, 7*(6), 453-461.

Yoon, J., Sung, S., & Ryu, D. (2020). The role of networks in improving international performance and competitiveness: Perspective view of open innovation. Sustainability, 12(3), 1269.

Yusuf, A. H., Shukor, S. A., & Bustamam, U. S. A. (2016). Halal certification vs business growth of food industry in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management, 4*(3), 247-251.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).